

22.9.2021

Siaran Media

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **EMPANGAN MENGKUANG DIBUKA SEMULA DENGAN SYARAT “LEBIH SELAMAT” UNTUK KEMASUKAN**

- **Empangan Mengkuang akan dibuka semula kepada orang ramai sebagai kawasan rekreasi hijau mulai esok (23.9.2021).**
- **Walau bagaimanapun, hanya pengunjung yang dapat menunjukkan status risiko MySejahtera “Vaksinasi Lengkap” dan “selamat” yang akan dibenarkan masuk. Syarat-syarat yang sama turut terpakai untuk kemasukan orang awam ke Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang dan Taman Bukit Dumbar.**

PULAU PINANG, Rabu, 22.9.2021: Empangan Mengkuang di Seberang Perai Tengah akan dibuka semula untuk awam mulai jam 7.00 pagi esok. Bagaimanapun, hanya yang menunjukkan mereka mendapat “Vaksinasi Lengkap” dan mempunyai status risiko “selamat” di aplikasi MySejahtera akan dibenarkan memasuki premis empangan.

### **Status Vaksinasi Lengkap**

Dalam konteks ini, status “vaksinasi lengkap” bermaksud seseorang telah menerima dua suntikan vaksinasi, selepas tempoh 14 hari suntikan kedua.

Status “Vaksinasi Lengkap” seseorang dipaparkan di halaman “Daftar masuk” aplikasi MySejahtera.

Peraturan baru ini turut terpakai untuk semua bakal pengunjung ke kawasan rekreasi awam lain di bawah kendalian Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) di Pulau Pinang: Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang dan Taman Bukit Dumbar.



**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

Harap maklum bahawa anggota polis bantuan PBAPP akan meminta semua bakal pengunjung untuk menunjukkan status “vaksinasi lengkap” pada peranti mudah alih mereka sebelum setiap kemasukan. Status “vaksinasi lengkap” adalah syarat yang tidak boleh dirundingkan: mereka yang tidak dapat menunjukkan “status vaksinasi lengkap” tidak akan dibenarkan masuk.

### **Status risiko “Selamat”**

Selain itu, hanya mereka dengan status risiko “selamat” berikut (seperti yang dipaparkan dalam halaman “Daftar masuk” aplikasi MySejahtera) akan dibenarkan memasuki premis:

- “RISIKO RENDAH”
- “KONTAK KASUAL”

**Orang dengan status “tidak selamat” berikut tidak harus cuba untuk mengunjungi kawasan rekreasi awam yang diuruskan PBAPP: Empangan Mengkuang, Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang dan Taman Bukit Dumbar:**

- “KONTAK RAPAT”
- “INDIVIDU DALAM PEMANTAUAN (PUS)”
- “KES SUSPEK”
- “KES YANG DISAHKAN – TIDAK BERGEJALA”

(Sila rujuk pada Appendix A)

### **Sebab-sebab syarat baharu untuk kemasukan**

3 sebab utama pelaksanaan syarat-syarat kemasukan baharu ini adalah:

- PBAPP perlu mematuhi peraturan dan undang-undang negara dalam pembukaan kawasan rekreasi kepada orang ramai di Pulau Pinang. Harap maklum bahawa Empangan Mengkuang telah ditutup oleh Pejabat Kesihatan Seberang Perai Tengah selama 7 hari, mulai 15.9.2021, berikutan perintah yang dikeluarkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

- PBAPP membuka empangannya dan Taman Bukit Dumbar sebagai khidmat awam, untuk membolehkan rakyat yang sihat yang ingin melakukan aktiviti rekreasi yang menyihatkan. Namun, kami tidak mahu menyebarkan lagi wabak Covid-19 di persekitaran Pulau Pinang.
- Kesihatan dan keselamatan awam adalah pertimbangan utama kami. “Pengunjung kami” yang mendapat “vaksinasi lengkap” dan yang mempunyai status risiko “selamat” harus dijaga sebaik mungkin selama mereka menikmati kegiatan sihat di tempat rekreasi awam yang dikendalikan oleh PBAPP.

### **Peraturan dan undang-undang keselamatan lain di kawasan rekreasi PBAPP**

Peraturan dan undang-undang keselamatan lain PBAPP termasuk:

- Menghadkan jumlah maksimum pengunjung kepada 200 orang pada satu-satu masa (350 orang pada satu-satu masa untuk Empangan Mengkuang)
- Pendaftaran wajib menggunakan aplikasi “MySejahtera”;
- Pengimbasan suhu individu di pintu masuk (mereka dengan bacaan suhu 37.5°C ke atas tidak akan dibenarkan masuk);
- Individu yang berumur 17 tahun ke bawah hanya dibenarkan memasuki kawasan empangan bersama ibu atau bapa mereka; dengan syarat ibu atau bapa itu sudah lengkap vaksinasi;
- Penjarakan fizikal 3m hingga 5m; dan
- Aktiviti yang boleh menyebabkan kehadiran ramai orang/pengunjung sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan adalah dilarang.

Empangan Mengkuang, Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang dan Taman Bukit Dumbar akan dibuka dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam setiap hari. Pengunjung mesti mematuhi semua syarat untuk masuk dan mengikuti arahan kakitangan kami untuk keselamatan mereka.



**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

Seboleh-bolehnya, PBAPP ingin memberi rakyat Pulau Pinang akses untuk kemudahan rekreasi yang segar. Namun, jika kemudahan ini “ditutup” oleh pihak berkuasa, kami tidak boleh membenarkan orang ramai untuk masuk.

Oleh itu, jika anda adalah pengunjung awam, manfaatkanlah kemudahan rekreasi kami dengan selamat dan bertanggungjawab, ketika pandemik global ini.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



**ALL VISITORS TO AIR ITAM DAM, TELUK BAHANG DAM,  
MENGKUANG DAM AND BUKIT DUMBAR RECREATIONAL PARK  
MUST BE FULLY VACCINATED FOR COVID-19  
AND ALSO MUST COMPLY WITH THE FOLLOWING :**



**MySejahtera PROFILE  
STATUS RISIKO COVID-19 / COVID-19 RISK STATUS**

**DIBENARKAN MASUK / ALLOWED TO ENTER**

**Risiko Rendah / Low Risk**



Status Risiko COVID-19  
COVID-19 Risk Status



Risiko Rendah / Low Risk



**Kontak Kasual / Casual Contact**

Keputusan Penilaian Kesihatan  
Health Assessment Result



Kontak Kasual / Casual Contact

**TIDAK DIBENARKAN MASUK / NOT ALLOWED TO ENTER**

**Kontak Rapat / Close Contact**



Keputusan Penilaian Kesihatan  
Health Assessment Result



Kontak Rapat / Close Contact



**Individu Dalam Pemantauan /  
Person Under Surveillance (PUS)**

Status Risiko COVID-19  
COVID-19 Risk Status



Individu Dalam Pemantauan /  
Person Under Surveillance (PUS)



**Kes Suspek / Suspected Case**

Keputusan Penilaian Kesihatan  
Health Assessment Result



Kes Suspek / Suspected Case



**Kes Yang Disahkan / Confirmed Case**

Keputusan Ujian Makmal COVID-19  
COVID-19 Lab Test Results



Kes Yang Disahkan - Tidak Bergejala /  
Confirmed Case - Asymtomatic